



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
JABATAN KEBUDAYAAN  
DAN KESENIAN NEGARA

# KENYATAAN MEDIA

[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 24/2022

**"ALERT"**: Festival Seni Hidup 2022 menampilkan sebanyak 20 warisan tidak ketara dan akan dipersembahkan secara hibrid daripada enam (6) negara iaitu Malaysia, Argentina, Republik Rakyat Cina, Jepun, India dan Indonesia. Antara pengisian menarik ialah penampilan Juara Dunia Kejuaraan Pencak Silat Dunia Edisi Ke-19, Merrywati Manuil.

## **FESTIVAL SENI HIDUP 2022 KETENGAHKAN 20 WARISAN TIDAK KETARA**

**KUALA LUMPUR, 06 November 2022** – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) menerusi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) menganjurkan Festival Seni Hidup@*Living Arts Cultural Festival (LACF)* pada 4–6 November 2022 bertempat di Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC), Kuala Lumpur. LACF menghimpunkan kesenian yang telah diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO), Warisan Kebangsaan dan kesenian yang kurang diketengahkan, dan seterusnya menjadi pencetus kepada usaha pemuliharaan dan pemeliharaan.

Penganjuran program ini memperlihatkan komitmen Malaysia dalam melindungi warisan tidak ketara, sejajar dengan Teras 3 Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN), iaitu memfokuskan kepada usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya. Pada tahun 2022, LACF mengangkat enam (6) kesenian yang tersenarai di bawah UNESCO seperti Silat, Songket, Tango, Opera Cina Kun Qu, Longquan Celadon dan Kumiodori. Manakala di bawah senarai Warisan Kebangsaan adalah Sewang, Gamelan, Bhangra, Tulisan Khat, Dikir Barat dan Wayang Kulit.

Pada tahun ini, LACF menampilkan warisan tidak ketara daripada enam (6) negara iaitu Malaysia, Argentina, Republik Rakyat Cina, Jepun, India dan Indonesia. Antara kesenian yang ditonjolkan adalah Silat Dalam Talam, Puisi Tradisional Rejang, Bungkau, Tarian Indai Abau, Pol Kal Kudarai, Sewang, Kaligrafi Khat, Gambus, Dikir Laba, Terinai Ketam Bawa Anak, Joget Gamelan Perang Manggung, Silat, Peragaan Songket, Tango, Opera Cina Kun Qu, Bhangra, Kalaripayattu, Kumiodori dan Tarian Klasik Jawa.

Selain persembahan kesenian, penonton juga telah disajikan sebuah dokumentari khas 'Longquan Celadon' dengan kerjasama Zhejiang Provincial Department of Culture and Tourism China. Manakala program berbentuk keilmuan pula seperti Intelok Seni, Bengkel Asas Seni Kaligrafi Khat, Bengkel Asas Tatarias Opera Cina, Bengkel Tarian Jawa Klasik, Dokumentari Pemain Tradisional dan program bual bicara, masing-masing telah diselaraskan oleh Persatuan Penggiat Pelancongan Senibudaya Warisan Kraf Negeri Selangor (PESTA), PUSAKA dan Persatuan Kebudayaan Han Malaysia.

Dalam pada itu, buku 'Keindahan Kain Tenun Songket Malaysia' juga turut dilancarkan dalam program ini. Songket yang digelar 'Ratu Kain' dalam tenunan Melayu telah melakar sejarah, apabila disenaraikan di bawah *Representative List of Intangible Cultural Heritage of Humanity* pada tahun 2021. Penerbitan buku ini juga memberi gambaran lebih jelas dengan penggunaan teknologi *Augmented Reality (AR)* selaras dengan usaha transformasi digital JKKN.

JKKN turut melaksanakan tiga (3) pertandingan pencungkilan bakat sempena LACF 2022. Antaranya ialah Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu Asli yang telah diadakan pada 20 September 2022 hingga 20 Oktober 2022 lalu secara dalam talian. Manakala, Pertandingan Tarian Rampaian Tradisional pula telah diadakan pada 5 November 2022 dan Pertandingan Memasak Citarasa ADABI pada 5-6 November 2022.

Penonton yang hadir ke sini telah mengambil peluang mempelajari masakan tradisional dalam 'Program Jom ke Dapur Warisan' yang dibawa khas oleh Jabatan Warisan Negara (JWN). Selain itu, LACF 2022 turut menampilkan Cerita Kejayaan Tokoh Warisan Orang Hidup dan penggiat seni dan Pameran Hikayat Fandom, The Legend Games@MaTiC oleh Persatuan Usahawan Seni Budaya dan Guligeng Resources.

“Usaha memastikan kelangsungan seni budaya dalam memperkasakan pemuliharaan dan pemeliharaan khazanah negara menjadi agenda penting jabatan ini. Selain itu, kerjasama serampang dua mata bagi memperkenalkan keindahan warisan tidak ketara dari pelbagai negara juga menjadi satu titik tolak dalam memperkukuhkan persahabatan dan kerjasama strategik dalam seni budaya”, kata YBhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi, Ketua Setiausaha MOTAC dalam ucapannya.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) ataupun boleh layari *facebook* JKKN melalui pautan [www.facebook.com/mysenibudaya](http://www.facebook.com/mysenibudaya).

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan Oleh:**

Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara  
Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

**Laman Sesawang:** [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) **E-mel:** [ukk@jkkn.gov.my](mailto:ukk@jkkn.gov.my)

**Platform Media Sosial Rasmi JKKN:**

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya  
Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

**Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi**

Mazidah Binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:mazidah@jkkn.gov.my">mazidah@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Pegawai Kebudayaan Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:eldawati@jkkn.gov.my">eldawati@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 019-809 1805
--	--